



Majlis Berbuka Puasa  
SPKAL 2011  
12 Ogos 2011

**UNTUK ALBUM ... Sebahagian pensyarah dan kakitangan sokongan yang menghadiri majlis berbuka puasa SPKAL.**

## **SPKAL tekad lahir modal insan kompetitif**

UB 17/08/2011 B13

**LABUAN:** Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) mempunyai hala tuju ke arah mewujudkan sebuah institusi pengajian tinggi yang berperspektif global dan setanding dengan institusi-institusi lain di peringkat antarabangsa.

Pemangku Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki berkata, SPKAL bertekad untuk melahirkan modal insan terlatih dan kompetitif dalam bidang pengurusan perniagaan antarabangsa.

Dalam mencapai hal tuju berkenaan, SPKAL tidak melupakan tanggungjawab sosialnya dengan mengadakan majlis berbuka puasa dan penyerahan sumbangan amal oleh warga SPKAL kepada Persatuan Ibu Tunggal Wilayah Persekutuan Labuan.

Keseluruhan hasil sumbangan amal oleh warga SPKAL telah disampaikan oleh Norazah kepada Pengerusi Persatuan Ibu Tunggal Wilayah Persekutuan Labuan, Kasmah

Kasron.

Turut hadir Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan, Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Dekan SPKAL, Dr Lim Kian Ping dan Penolong Pendaftar SPKAL, Mas Adi Alimin, pensyarah dan kakitangan sokongan serta ahli keluarga.

Majlis khas ini dilaksanakan untuk menyambut dan meraikan bulan Ramadan bersama warga SPKAL dalam membentuk semangat muhibah antara satu sama lain di samping membuat amal kebajikan dengan memberi sumbangan ikhlas kepada mereka yang memerlukan.

Dengan adanya majlis seperti ini, jalinan kekeluargaan dan persahabatan antara kakitangan akan terus terjalin dengan erat, kata Norazah.

Tambahnya, majlis itu juga dapat memberi peluang kepada ahli-ahli lain memberi khidmat serta sumbangan dan sedekah kepada mereka yang memerlukan.